

## **SARJANA PERDAGANGAN/ *Master of Commerce*** **(Mod Penyelidikan/ *Research Mode*)**

Program yang dicadangkan ini membuka peluang pendekatan multidisiplin dalam aktiviti penyelidikan, penulisan dan penerbitan. Dengan itu, program ini dijangka dapat memenuhi keperluan tenaga manusia yang holistik, yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang pengkhususan dan penyelidikan yang seterusnya mampu memacu negara ke arah negara maju.

*This program makes it possible to take a multidisciplinary approach to research, writing and publishing. As a result, the curriculum is designed to address the needs of a well-rounded workforce, with advanced knowledge and abilities in the field of specialization and research, which in turn is able to drive the country towards a developed nation.*

Terdapat enam (6) bidang penyelidikan utama yang ditawarkan iaitu Ekonomi, Ekonomi Islam, Perakaunan, Pengurusan, Keusahawanan dan Kewangan.

*There are six (6) main research fields available which are Economics, Islamic Economics, Accounting, Management, Entrepreneurship, and Finance.*

Senarai Bidang Penyelidikan Program.

*The following is a list of program according to research areas.*

<b>No.</b>	<b>Bidang Penyelidikan/ <i>Research Field</i></b>
1.	Ekonomi/ <i>Economics</i>
2.	Ekonomi Islam/ <i>Islamic Economics</i>
3.	Perakaunan/ <i>Accounting</i>
4.	Pengurusan/ <i>Management</i>
5.	Keusahawanan/ <i>Entrepreneurship</i>
6.	Kewangan/ <i>Finance</i>

### **Matlamat Program/ *Program Goals***

Matlamat program adalah untuk memberi pelajar pengetahuan penyelidikan secara mendalam dan terfokus dalam bidang pengajian Ekonomi, Ekonomi Islam, Perakaunan, Pengurusan, Keusahawanan dan Kewangan. Antara matlamat lain program ini adalah untuk mendedahkan pelajar pendekatan penyelidikan secara sistematik dan beretika serta menyumbang kepada pengembangan pengetahuan dan amalan.

*The goal of this program is to equip students with in-depth and targeted research knowledge in the fields of Economics, Islamic Economics, Accounting, Management, Entrepreneurship and Finance. This program's objectives includes exposing students to a systematic and ethical research approach, as well as contribute to the development of knowledge and practice.*

### **Hasil Pembelajaran/ *Learning Outcomes***

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:

*At the end of their studies, graduates will be able to:*

- a. Menilai secara kritikal penulisan dalam bidang Ekonomi, Ekonomi Islam, Perakaunan, Pengurusan, Keusahawanan dan Kewangan.

*Critically evaluate research in the fields of Economics, Islamic Economics, Accounting, Management, Entrepreneurship and Finance.*

- b. Mengaplikasikan kaedah penyelidikan yang bersesuaian.  
*Utilized the appropriate research methodologies.*
- c. Melaksanakan penyelidikan yang memberi impak dari segi sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.  
*Conduct research that has an impact in terms of social, economic and community well-being.*
- d. Melaksanakan penyelidikan dengan penyeliaan yang minimal dan patuh kepada peraturan, etika dan amalan profesional.  
*Conduct research with minimal supervision, adhere to research ethics and professional practice.*
- e. Mempamerkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan mengamalkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan penyelidik dan pihak berkepentingan  
*Demonstrate leadership abilities through effective communication and collaborating effectively with partners and stakeholders.*
- f. Menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif bagi menganalisa data untuk penyelesaian masalah secara saintifik  
*Utilized quantitative and qualitative research methodologies to analyze data for scientific problem solving.*
- g. Mengumpul dan mengurus maklumat bagi pembelajaran sepanjang hayat.  
*Collect and management information for lifelong learning.*

### **Syarat Kemasukan/ Entry Requirements**

Syarat kemasukan adalah seperti berikut:

*Entry requirements are as follows:*

- a. Ijazah Sarjanamuda dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau  
*A Bachelor Degree from UKM or other institutions of higher learning recognized by the UKM Senate; or*
- b. Kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah atau mempunyai kelayakan lain dengan pengalaman yang diiktiraf oleh Senat; atau  
*Other qualifications equivalent to a Degree or having other qualifications with experience recognized by the Senate; or*
- c. Memenuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM dari semasa ke semasa.  
*Meet other requirements determined by the Faculty of Economics and Management, UKM from time to time.*
- d. Pemohon luar Negara perlu memperoleh sekurang-kurangnya skor TOEFL 550 atau IELTS 6 atau mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan sekiranya dia tidak melepasi tahap yang ditetapkan oleh program, calon hendaklah mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI) dalam tempoh tidak lewat dua (2) semester untuk program sarjana dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.  
*Overseas applicants must obtain at least a TOEFL score of 550 or IELTS 6, or must sit for the English Language Proficiency Test (Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris, UKBI) and if the candidate does not pass the level prescribed by the program, the candidate must enrol and pass the English Language Proficiency Module (Modul Kemahiran Bahasa Inggeris, MKBI) within a period not later than two (2) for the Master's program from the date of enrollment in the University.*

### **Bentuk Pendaftaran dan Tempoh Pengajian/ Registration Mode and Duration of Study**

- a. Sepenuh masa/ *full time* (tiga (3) hingga enam (6) semester/ 3 - 6 semesters)\*
- b. Separuh masa/ *part-time* (lima (5) hingga lapan (8) semester/ 5 - 8 semesters)\*

*\* Semua kuliah dijalankan pada hari dan waktu bekerja/ All lectures are conducted on working days and hours.*

### **Struktur Program/ Program Structure**

Program ini menyediakan pelajar untuk menjalankan penyelidikan ilmiah yang berkualiti dari segi akademiknya dan

relevan kepada industri. Terdapat enam (6) bidang tujuhan utama yang ditawarkan iaitu Ekonomi, Ekonomi Islam, Perakaunan, Pengurusan, Keusahawanan dan Kewangan.

*The program prepares students to conduct academic research that is both academically sound and industry-relevant. There are six (6) main thrust areas offered, namely Economics, Islamic Economics, Accounting, Management, Entrepreneurship and Finance.*

- a. Calon hendaklah mengikuti dan lulus semua komponen seperti berikut:  
*Candidates must complete and pass all components as follows:*

**Kursus Prasyarat  
Tesis                      3 kursus/ 3 prerequisites courses  
/ Thesis**

- b. Calon hendaklah lulus dalam pembentangan cadangan penyelidikan;  
*Candidates must pass the research proposal presentation;*
- c. Calon hendaklah lulus peperiksaan tesis dan lisan peringkat sarjana; dan  
*Candidates must pass the thesis and oral examination; and*
- d. Calon hendaklah menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) makalah dalam jurnal berindeks WOS/Scopus/ERA/tersohor dalam bidang berkaitan dan berwasit dan satu (1) makalah prosiding dengan penyelidikan Sarjana bersama Jawatankuasa Penyelia yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.  
*Candidates must publish at least one (1) paper in a WOS/Scopus/ERA/ indexed journal in a related and refereed field, and one (1) proceeding paper with the Supervisory Committee recognized by the Graduate Studies Committee.*

#### **Senarai Kursus/ List of courses**

- a. **Kursus Teras/ Core (3 kursus/ 3 courses)**

<b>Nama Kursus/ Course name</b>	<b>Bidang/ Area</b>
EPPD6013 Kaedah Penyelidikan/ <i>Research Method</i>	Ekonomi, Ekonomi Islam, Perakaunan, Pengurusan, Keusahawanan, Kewangan/ <i>Economics, Islamic Economics, Accounting, Management, Entrepreneurship, Finance</i>
EPPE6034 Kaedah Ekonometrik / <i>Econometric Methods</i> <b>atau/ or</b> EPPE6014 Mikroekonomi/ <i>Microeconomics</i> <b>atau/ or</b> EPPE6024 Makroekonomi/ <i>Macroeconomics</i>	Ekonomi (Pilih 2 kursus)/ <i>Economics (Choose 2 courses)</i>
EPPE6514 Fiqh untuk Ekonomi/ <i>Fiqh for Economics</i> <b>dan/ and</b> EPPE6534 Analisis Ekonomi Islam Lanjutan/ <i>Advanced Islamic Economic Analysis</i> <b>atau/ or</b> EPPE6544 Wang, Zakat dan Ekonomi Benar/ <i>Money, Zakat and Real Economy</i>	Ekonomi Islam/ <i>Islamic Economics</i>
EPPA6023 Teori Perakaunan/ <i>Accounting Theory</i> EPPA6033 Seminar Penyelidikan Perakaunan/ <i>Seminar on Accounting Research</i>	Perakaunan/ <i>Accounting</i>

EPPM6013 Teori Pengurusan dan Keusahawanan/ <i>Management and Entrepreneurship Theory</i> EPPM6023 Seminar Penyelidikan Pengurusan & Keusahawanan/ <i>Seminar on Management and Entrepreneurship Research</i>	Pengurusan, Keusahawanan, Kewangan/ <i>Management, Entrepreneurship, Finance</i>

\*Calon hanya perlu memperoleh gred Lulus/Kandas

\*Candidates will obtain a Pass/ Fail grade

**b. Disertasi / Dissertation**

**c. Kursus Bahasa Melayu / Bahasa Melayu Course**

Calon luar negara hendaklah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan sebagaimana ditetapkan UKM.

*Candidates must enrol and pass Bahasa Melayu course as a requirement for graduation as required by UKM.*

<b>Kumpulan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa/ International Postgraduate Student</b>	<b>Kod dan Nama Kursus Bahasa Melayu/ Code and Bahasa Melayu Course</b>
<b>Luar Nusantara</b> Pelajar dari negara yang bukan penutur natif Bahasa Melayu. <i>Students from countries that are not native speakers of Bahasa Melayu.</i>	LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa
<b>Nusantara</b> Pelajar berasal dari negara yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi/utama dan merupakan penutur natif Bahasa Melayu seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Wilayah Melayu di Selatan Thailand. <i>Students from countries that uses Bahasa Melayu as the official language/ main and is a native speaker of Bahasa Melayu such as Indonesia, Singapore, Brunei, and Malay Province in Southern Thailand.</i>	LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara

**Syarat Pengurniaan Ijazah/ Requirement for Conferment of Degree**

Syarat pengijazahan adalah seperti berikut:

- Pelajar perlu menyempurnakan dan lulus semua kursus prasyarat yang ditetapkan;  
*Candidates must enrol and pass all prerequisites courses as required;*
- Pelajar perlu membentangkan dan lulus pembentangan kertas cadangan penyelidikan;  
*Candidates must pass the research proposal presentation;*
- Pelajar perlu lulus peperiksaan tesis dan lisan;  
*Candidates must pass the thesis and oral examination;*
- Pelajar perlu menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) makalah dalam jurnal berindeks WOS/Scopus/ERA/tersohor dalam bidang berkaitan dan berwasit dan satu (1) makalah prosiding dengan penyelidikan Sarjana bersama Jawatankuasa Penyelia yang diiktiraf oleh JK Pengajian Siswazah;  
*Candidates must publish at least one (1) paper in a WOS/Scopus/ERA/ indexed journal in a related and refereed field, and one (1) proceeding paper with the Supervisory Committee recognized by the Graduate Studies Committee.*

- e. Pelajar perlu memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti.  
Students must meet other requirements set by the University.

### **Penukaran ke Program Doktor Falsafah (Mod Penyelidikan)/ *Conversion to a Doctoral Program (Research Mode)***

Calon yang sedang mengikuti program Sarjana (Mod Penyelidikan) secara sepenuh boleh memohon untuk menukar status kepada program Ijazah Kedoktoran (Mod Penyelidikan) dengan kelulusan Panel Penilai yang dilantik oleh Fakulti.

*Candidate pursuing a Master's program (Research mode) full-time may apply to convert to a doctoral program (Research mode) with the approval of an evaluation panel appointed by the Faculty.*

### **Rancangan Pengajian/ *Study Plan***

Rancangan pengajian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

*The proposed study plans are as follows:*

Semester	Bidang/ Area	Nama Kursus/ Course name	Komponen/ Component	Bil. Kursus/ Number of courses
1	Ekonomi/ <i>Economics</i>	EPPD6013 Kaedah Penyelidikan/ <i>Research Methods dan/ and</i>	Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i>	1
		EPPE6014 Mikroekonomi/ <i>Microeconomics atau/ or</i>	Pilih 2 Kursus Pra-Syarat/ <i>Choose 2 prerequisites courses</i>	2
		EPPE6024 Makroekonomi/ <i>Macroeconomics atau/ or</i>		
		EPPE6034 Kaedah Ekonometrik/ <i>Econometrics Methods</i>		
LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa* <b>atau/ or</b> LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara*	Kursus Bahasa Melayu/ <i>Bahasa Melayu Course</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lantikan Penyelia Utama dan Kedua/ <i>Appointment of Supervisor</i></li> </ul>	3	
1	Ekonomi Islam/ <i>Islamic Economics</i>	EPPD6013 Kaedah Penyelidikan/ <i>Research Methods</i>	Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i>	1
		EPPE6514 Fiqh untuk Ekonomi/ <i>Fiqh for Economics dan/ and</i>	Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i>	1
		EPPE6534 Analisis Ekonomi Islam Lanjutan/ <i>Advanced Islamic Economics Analysis atau/ or</i>	Pilih 1 Kursus	1

		<p>EPPE6544 Wang, Zakat dan Ekonomi Benar/ <i>Money, Zakat and Real Economy</i></p> <p>LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa* <b>atau/ or</b> LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara*</p>	<p>Pra-Syarat/ <i>Choose 1 prerequisites course</i></p> <p>Kursus Bahasa Melayu/ <i>Bahasa Melayu Course</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Penyelia Utama dan Kedua/ <i>Appointment of Supervisor</i></li> </ul>	3
1	Perakaunan/ <i>Accounting</i>	<p>EPPD6013 Kaedah Penyelidikan/ <i>Research Methods</i></p> <p>EPPA6023 Teori Perakaunan/ <i>Theory of Accounting</i></p> <p>EPPA6033 Seminar Penyelidikan Perakaunan/ <i>Seminar on Accounting Research</i></p> <p>LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa* <b>atau/ or</b> LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara*</p>	<p>Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i></p> <p>Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i></p> <p>Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i></p> <p>Kursus Bahasa Melayu/ <i>Bahasa Melayu Course</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Penyelia Utama dan Kedua/ <i>Appointment of Supervisor</i></li> </ul>	1  1  1  3
1	Pengurusan, Keusahawanan, Kewangan/ <i>Management, Entrepreneurship/ Finance</i>	<p>EPPD6013 Kaedah Penyelidikan/ <i>Research Methods</i></p> <p>EPPM6013 Teori Pengurusan dan Keusahawanan/ <i>Theory of Management and Entrepreneurship</i></p> <p>EPPM6023 Seminar Penyelidikan Pengurusan &amp; Keusahawanan/ <i>Seminar on Management and Entrepreneurship Research</i></p> <p>LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa* <b>atau/ or</b> LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara*</p>	<p>Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i></p> <p>Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i></p> <p>Kursus Pra-Syarat/ <i>Prerequisites Course</i></p> <p>Kursus Bahasa Melayu/ <i>Bahasa Melayu Course</i></p>	1  1  1

			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lantikan Penyelia Utama dan Kedua/ <i>Appointment of Supervisor</i></li> </ul>	3
2	Ekonomi, Ekonomi Islam, Perakaunan, Pengurusan, Keusahawanan, Kewangan/ <i>Economics, Islamic Economics, Accounting, Management, Entrepreneurship, Finance</i>	EPPE6940 Tesis/ Thesis  (Pelajar hanya perlu mendaftar diri dan tesis/ <i>Students only need to self register and register for thesis</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran tesis/ <i>Thesis registration</i></li> <li>• Pra pembentangan cadangan penyelidikan/ <i>Pre-presentation of Research Proposal</i></li> <li>• Pembentangan cadangan penyelidikan/ <i>Presentation of Research Proposal</i></li> <li>• Penulisan tesis/ <i>Thesis writing</i></li> <li>• Penerbitan prosiding/ <i>Proceeding publication</i></li> </ul>	
3	Ekonomi, Ekonomi Islam, Perakaunan, Pengurusan, Keusahawanan, Kewangan/ <i>Economics, Islamic Economics, Accounting, Management, Entrepreneurship, Finance</i>	EPPE6940 Tesis/ Thesis  (Pelajar hanya perlu mendaftar diri dan tesis/ <i>Students only need to self register and register for thesis</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran tesis/ <i>Thesis registration</i></li> <li>• Penulisan tesis/ <i>Thesis writing</i></li> <li>• Pembentangan kemajuan di kolokium/ <i>Presentation of progress at colloquium</i></li> <li>• Penerbitan artikel jurnal/ <i>Publication of journal articles</i></li> <li>• Pra Peperiksaan lisan/ <i>Pre-oral examination</i></li> <li>• Peperiksaan lisan/ <i>Oral examination</i></li> </ul>	

\*Untuk calon luar negara sahaja/ *For Overseas candidates only*